



**KEMENTERIAN
PERPADUAN NEGARA**

KENYATAAN MEDIA

BELANJAWAN 2021 : TEGUH KITA, MENANG BERSAMA

Putrajaya, 9 November 2020 – Belanjawan 2021 yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan, YB Senator Tengku Dato' Sri Zafrul bin Tengku Abdul Aziz pada 6 November 2020 di Parlimen merupakan belanjawan yang inklusif, prihatin dan cakna rakyat, khususnya golongan yang sangat terkesan akibat pandemik COVID-19. Dengan **tema Belanjawan 2021:Teguh Kita, Menang Bersama**, agenda perpaduan juga tidak dipinggirkan dan pada kali ini penekanan diberi kepada peranan komuniti setempat sebagai agen dan penggerak usaha-usaha penyatupaduan rakyat berbilang bangsa, agama dan budaya.

2. Belanjawan 2021 telah memperuntukkan **RM50 juta kepada Kawasan Rukun Tetangga (KRT)** yang merupakan jentera perpaduan di bawah Kementerian Perpaduan Negara (KPN) di mana **lebih 8,000 KRT sedia ada di seluruh Negara** akan menerima manfaat. KPN akan memastikan KRT terus berperanan sebagai kepimpinan komuniti yang berteraskan kepada konsep kejiranan dan semangat kesukarelaan.

3. Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia ataupun lebih dikenali sebagai MITRA juga turut menerima **dana sebanyak RM100 juta bagi membantu menaik taraf sosioekonomi masyarakat India di Malaysia.** Melalui dana ini, KPN akan terus mempergiatkan usaha membantu masyarakat India di Negara ini khususnya kumpulan B40 melalui pelbagai program di bawah tiga bidang utama iaitu pembangunan modal insan, keusahawanan dan kesejahteraan sosial.
4. Kementerian Perpaduan Negara akan terus komited dalam usaha merealisasikan Agenda Perpaduan Nasional.

Kementerian Perpaduan Negara

9 November 2020

-TAMAT-

Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020 di bawah kepimpinan Kerajaan Perikatan Nasional. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia.

Pertanyaan media:

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Perpaduan Negara

Tel: +603 8091 8041 Fax: +603 8888 8568 / 569 E-mail: pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.1009/1/8 (31)